

# Lawatan sambil belajar murid SK

## Bukit Kalam ke UMSKAL

UB 17.10.14 B6

LABUAN: Seramai 71 murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) ·Bukit Kalam telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Menurut ketua rombongan Ustaz Solihin Saripudin, lawatan itu bertujuan memberi peluang kepada murid Tahun Enam mengetahui secara lebih dekat kehidupan sebenar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Malah, beliau yang mewakili Guru Besar SKBK Mahani Hussin berharap melalui lawatan itu, mampu meningkatkan motivasi dan semangat murid untuk

belajar bersungguh-sungguh bagi memastikan mereka berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

"Kami mahu mendedahkan murid kepada suasana sebenar di IPTA termasuk peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebighidupnya ke UMS," katanya.

Lawatan ke UMSKAL adalah antara aktiviti yang dirancang pihak sekolah selepas murid berkenaan menduduki UPSR 2014.

Terdahulu, rombongan mendengar taklimat mengenai UMSKAL daripada Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran Sharon Tan yang

mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di Bilik Kuliah, Bangunan Menara.

Sementara itu, Sharon bagi pihak Timbalan Pendaftar UMSKAL Zamri Mohamad Tuah berharap lawatan itu akan memberi manfaat kepada murid-murid SK Bukit Kalam untuk mengenali lebih dekat UMSKAL sebagai satu-satunya IPTA di Wilayah Persekutuan Labuan.

Murid yang diiringi sembilan orang guru melawat makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) dan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) serta Perpustakaan.



MURID dan guru SK Bukit Kalam mengadakan lawatan sambil belajar ke UMSKAL.